

Perpaduan, modal insan lonjak daya saing negara

PM mahu usaha tambah nilai program pembangunan berterusan

MELBOURNE: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata usaha berterusan menambah nilai semua program pembangunan negara perlu dilakukan bagi memastikan Malaysia bersaing dengan negara lain di dunia.

Perdana Menteri berkata, sejajar langkah itu usaha membangunkan modal insan serta mengurangkan jurang perbezaan antara kaum dalam bidang ekonomi perlu dilakukan secara berterusan supaya matlamat negara mewujudkan mutu kehidupan lebih baik dapat dicapai.


"Usaha membangunkan negara tiada kesudahannya. Sekalipun, kita mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara maju, tugas untuk memperbaiki lagi kedudukan kita perlu diteruskan," katanya kepada 300 pelajar Malaysia, di sini, semalam.

Abdullah, yang berada di sini untuk lawatan kerja dua hari sejak kelmarin juga meminta golongan muda berusaha lebih gigih untuk memajukan negara supaya Malaysia mampu bersaing dengan negara maju.

Mengimbuai pembangunan Malaysia, beliau berkata, negara bermula dari tahap sifar ketika Allahyarham Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri pertama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan dan meniti kejayaan dengan menambah nilai kepada program dilakukan.

Abdullah berkata, kemajuan di Malaysia sekarang tertumpu kepada ekonomi berasas pengetahuan yang menuntut rakyat inovatif dan kreatif.

"Ia memberi peluang kepada anak muda menghasilkan teknologi rekaan sendiri bagi memastikan Malaysia bukan saja sebuah negara cekap, tetapi mempunyai teknologi dapat membantu menambah nilai kepada apa yang ada kini," katanya.



BINCANG BERSAMA: Abdullah berjabat dengan Howard ketika lawatan Perdana Menteri, di Melbourne, semalam.

Abdullah berkata, penduduk Malaysia berbilang kaum dan mengamalkan budaya berbeza perlu dilihat satu aset dan bukannya liabiliti.

Dalam sesi soal jawab, Perdana Menteri berkata, beliau meminta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengkaji kemungkinan membenarkan pelajar Malaysia di seberang laut mendaftar sebagai pengundi di Kedutaan Malaysia dan mengundi di situ.

Dalam lawatannya, Abdullah sempat menemui Perdana Menteri Australia, John Howard, bagi membincangkan beberapa isu seperti alam

sekitar, perubahan iklim dunia dan keganasan yang dibangkitkan pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Sydney.

Abdullah berkata, beliau menjelaskan kepada Howard mengenai lawatannya ke Darfur, Sudan dan komitmen Presiden negara itu untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Beliau juga mencadangkan kepada Howard supaya Australia menghantar lebih ramai pelajarnya ke Malaysia memandangkan negara ini juga mempunyai kemudahan pendidikan yang baik.

"Selain datang untuk menuntut ilmu, pelajar Australia juga dapat mengalami pengalaman tinggal di sebuah negara yang begitu berlainan daripada negara mereka, bukan saja dari segi iklim tetapi juga budaya dan masyarakat," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau turut menjemput Howard menghadiri acara sambutan ulang tahun ke-50 Kemerdekaan Malaysia pada Ogos ini memandangkan Australia antara negara terawal menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia selepas merdeka. —Bernama

BERNAMA